| Headline | Perkasa usahawan tumbuhan ubatan | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 06 Oct 2016 | Color | Full Color |
| Section | Mega | Circulation | 171,663 |
| Page No | 30 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 476 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,494 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 28,482 |


Mengesahkan ketulenan herba

Perkasa usahawan tumbuhan ubatan

# Perkasa usahawan tumbuhan ubatan

MEREKA yang terlibat dalam industri herba pastinya teruja untuk menyertai Seminar Tumbuhan Ubatan dan Beraroma ke-14 yang memberi tumpuan kepada pembangunan produk berasaskan bahan tersebut.

Seminar anjuran Bahagian Hasilan Semula Jadi, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu antara lain bertujuan menjadi satu platform untuk penyelidik, ahli akademik, pengusaha, pembuat dasar dan pihak berkepentingan bagi berkongsi penemuan dan pengalaman mereka untuk memajukan industri tersebut.

Seminar itu juga penting sebagai usaha pemindahan teknologi daripada penyelidikan kepada industri supaya hasil penyelidikan dapat dikomersialkan.

Menurut Pengarah Bahagian Hasilan Semula Jadi FRIM, **Dr. Rasadah Mat Ali**, sejak dianjurkan 13 kali sebelum ini, pihaknya mendapati ada kesedaran dalam kalangan pengusaha untuk menggunakan teknologi yang dihasilkan berbanding mengusahakannya secara kecil kecilan di belakang rumah.

"Berdasarkan penyertaan sebelum ini, kita dapati ia meningkat dari semasa ke semasa.

"Mereka sedar industri memerlukan ekstrak piawai bag mendapatkan produk yang seragam, dan efikasinya juga dipercayai," ujarnya yang juga pengerusi seminar.

> Mereka sedar industri memerlukan ekstrak piawai bagi mendapatkan produk yang seragam, dan efikasinya juga dipercayai."


FRIM Pusat pengesahihan herba bahan mentah

## FAKTA

SEMINAR Tumbuhan Ubatan dan Beraroma ke-14

TARIKH : 11 dan 12 Oktober 2016

LOKASI : Kampus FRIM Kepong

TEMA : Penawar Daripada Alam Semula Jadi, Trend dan Perspektif Semasa

## ANTARA PENCERAMAH:

- Prof. Dr. Ibrahim Jantan (UKM)
- Dr. Abdul Ghani Hussain (Herbwalk Consultancy)
- Mohamed Redza Baba (Jabatan Pertanian)
- Dr. Mohd Zaki Abdullah (FRIM)
- Prof. Dr. Zhari Ismail (USM)
- Ong Boo Kean (FRIM)
- Prof. Dr. Johnson Stanslas (UPM)
- VANESSA Shalini Daniel (Pharmaniaga)

MAKLUMAT lanjut layari *www.frim.gov.my*

## OBJEKTIF:

- Mengenegahkan dan saling berkongsi maklumat penemuan saintifik, teknologi dan aplikasi yang berkaitan dengan hasilan semula jadi serta tumbuhan ubatan dan beraroma.
- Mewujudkan satu forum perbincangan dan pertukaran idea berkenaan isu-isu semasa yang berkaitan dengan hasilan semula jadi dan tumbuhan ubatan serta beraroma.
- MENGERATKAN hubungan dan jaringan kerjasama antara pengusaha, penyelidik dan semua yang berkepentingan.

Powered by: isentia